

# 'Boleh tambah pekerja asing di kilang topeng muka'

**Putrajaya:** Kerajaan memberi longgaran bagi pengambilan lebih ramai pekerja asing dalam usaha meningkatkan penghasilan topeng muka dan mulut di kilang untuk memenuhi permintaan bekalan susulan penularan COVID-19.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata perbincangan pekilang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) baru-baru ini, mendapati penambahan pekerja asing secara tidak langsung membolehkan kilang beroperasi 24 jam.

Katanya, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri akan mengendali dan memantau proses pengambilan dan kemasukan warga asing yang mau diambil oleh pekilang bagi mengelak berlaku kebanjiran.

"Pengambilan lebih ramai pekerja asing adalah untuk menghasilkan lebih banyak topeng muka. Pada masa biasa, topeng muka ini hanya digunakan hospital, manakala orang awam hanya guna

ketika jerebu. Sekarang, apabila kita perlukan (topeng muka) secara mendadak, pengeluarannya juga mesti dinaikkan secara mendadak.

"Mereka (kilang) akan mendapat pelepasan untuk beroperasi dalam tiga syif, iaitu 24 jam bagi mengeluarkan lebih banyak topeng muka," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Bencana Pusat berhubung COVID-19, di sini semalam.

Sementara itu, Dr Wan Azizah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, berkata Malaysia tidak akan mengikut langkah China menukar definisi kes positif jangkitan COVID-19.

Katanya, pendekatan sedemikian hanya dilaksanakan di Hubei kerana makmal di wilayah China itu tidak dapat menampung keperluan untuk melakukan ujian ketika ini, berbanding Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang bertanggungjawab melakukan ujian saringan COVID-19 di Malaysia.



**Dr Wan Azizah mempengerusikan** Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Bencana Pusat berhubung COVID-19, di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau turut mengesahkan semua petugas perubatan mengendalikan rawatan dan pemantauan pesakit COVID-19 di Malaysia tidak dapat menampung keperluan dengan saringan kesihatan secara berkala akan diteruskan bagi memastikan mereka bebas jangkitan virus berbahaya berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri juga

menegaskan, Malaysia tidak akan memberi kebenaran berlabuh kepada mana-mana kapal asing yang enggan berkongsi maklumat penting diperlukan pihak berkuasa seperti diwajibkan selari usaha kerajaan mengekang penularan COVID-19.

"Jabatan Imigresen melaporkan ada percubaan atau permo-

honan untuk berlabuh daripada dua kapal persiaran dari Hong Kong, iaitu kapal Westerdam dan Sapphire Princess. Westerdam dengan sekitar 1,000 penumpang yang pernah memasuki Hong Kong sebelum ke Taiwan pada 1 Februari lalu, pada mulanya berhasrat untuk berlabuh di Malaysia.